

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN KHEMAM KERJA KEMAJUAN DIRI 1993  
Lokasi : UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI  
Tarikh : 29-11-1993

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. oleh kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya, dapat kita berkumpul di Dewan Kamsis Dato' Onn I, Universiti Kebangsaan untuk Majlis Perasmian Khemah Kerja Kemajuan Diri 1993 anjuran PUSPANITA Kebangsaan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur diatas iniatifnya mengadakan Khemah Kerja ini untuk anak-anak kita yang disayangi.

Isu remaja sekarang ini kian menonjol di dalam negara kita termasuklah:-

(i) permasalahan remaja sendiri dari segi perubahan fizikal, fisiologi dan psikologi yang mewujudkan tekanan kepada diri mereka;

(ii) adanya budaya pinggiran termasuk fenomena budaya lepak, budaya rock, budaya berambut panjang dan lain-lain nilai dalam bentuk perlakuan, tuturkata, simbol, gaya, personaliti dan penampilan ke tengah masyarakat;

(iii) adanya jurang generasi yang menimbulkan masalah komunikasi dengan ibu bapa dan orang dewasa serta masalah dikalangan remaja; dan

(iv) adanya fenomena penagihan dadah, jenayah juvena, keruntuhan moral, kenakalan, vandalisma, berpeleseran dan lepak yang dilabelkan sebagai masalah remaja.

Pada masa ini, sejumlah 130,000 orang remaja didaftarkan sebagai penagih dadah.

Bagi menangani anak-anak remaja keperihatinan dan kefahaman yang mendalam diperlukan oleh kerana remaja boleh dianggap sebagai manusia pinggiran - ibarat seorang pengembara yang telah meninggalkan pelabuhan tetapi masih belum sampai ke destinasi. Keremajaan adalah persediaan untuk peringkat dewasa dan remaja perlu dilatih dan dibimbing untuk menjadi insan kamil dan berkualiti. Ahli falsafah China Kung Fu Tze pernah berkata bahawa "bila muhibbah terdapat dalam sebuah keluarga, ia mempengaruhi seluruh negara. Bila budi bahasa terdapat dalam sebuah keluarga, seluruh negara berbudi bahasa" PUSPANITA sebagai badan terbesar bagi suri dan wanita dalam perkhidmatan awam mempunyai peluang untuk merealisasikan kata pujangga ini melalui berbagai program berbentuk perkhemahan, program-program jaya diri dan kecergasan bukan sahaja untuk anak-anak kita tetapi juga untuk ibu-bapa supaya kemahiran mendidik dan mengasuh cara berkualiti dapat diterapkan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Islam memberikan beberapa garis panduan umum tentang anak-anak, iaitu dari segi pemeliharaan dan kedudukannya di dalam keluarga dan masyarakat. Islam menegaskan bahawa memelihara anak dengan baik adalah merupakan tanggungjawab agama yang dipikul ke atas ibubapa.

Al-Quran menerangkan bahawa ibubapa tidak semuanya terlepas dari kesilapan dan kekejaman terhadap anak-anak mereka, malah ada yang tidak berlaku adil dan tidak menunaikan tanggungjawab yang sepatutnya dari segi penyediaan makanan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain, pendidikan jasmani dan rohani, serta tugas-tugas menyediakan mereka untuk menjadi manusia yang berguna. (Quran 6/140-151 dan 17/31).

Disamping itu Al-Quran juga mengingatkan bahawa anak-anak adalah nikmat kehidupan, sumber kebanggaan dan kekuatan, tetapi dalam masa yang sama Al-Quran mengingatkan bahawa anak-anak juga merupakan punca ujian dan kelalaian dan boleh membawa kesengsaraan dan penderitaan kepada keluarga sekiranya tidak dijaga dengan baik. (Quran 8/28, 9/69, 18/46, 23/55, 34/35, 57/20, 64/15, 68/14).

Keterangan-keterangan Islam tentang kedudukan anak-anak di dalam keluarga, dan ujian-ujian yang dihadapi oleh ibubapa dalam memelihara dan menjalankan segala tanggungjawab mereka menunjukkan betapa pentingnya tugas ini dirancang, dikaji dan dijalankan dengan saksama. Tugas keluarga di dalam pendidikan tidaklah harus dipandang ringan atau diserahkan kepada salah seorang ibubapa sahaja, kerana tugas ini adalah tugas bersama, saling bantu membantu dan menolong diantara satu dengan lain.

Rasulullah S.A.W. terang-terang menjelaskan tanggungjawab bersama ini apabila baginda bersabda bahawa 'setiap anak dilahirkan adalah suci maka ibubapanya yang menjadikannya Yahudi, Kristian atau Majusi'. Maka di atas tanggungjawab bersama inilah anak itu harus dididik dan diberikan segala perhatian, mulai dari memenuhi keperluan emosinya dengan kasih sayang dan pembelaan yang secukupnya, membawa kepada penanaman nilai-nilai akhlak kerohanian yang mantap dan pelajaran yang secukupnya untuk menjadi manusia yang berguna kepada Allah dan manusia seluruhnya.

Hubungan anak dan ibubapa adalah hubungan duahala yang diasaskan di atas dasar saling bantu membantu, kasih mengasih dan hormat menghormati. Masing-masing mempunyai hak dan tanggungjawab yang ditentukan Islam dan sebahagian dari prinsipnya dinyatakan di dalam Al-Quran termasuk hak mewarisi harta selepas ibubapa meninggal dunia. (Quran 4/7-11, 17/22).

Kewajipan anak yang utama ialah mematuhi ibubapa dan menjaga perasaan dan hati mereka, serta menanggung bersama segala beban yang mereka hadapi, terutamanya apabila ibubapa telah tua dan tidak mampu bersendirian menguruskan hidup mereka. Bagaimanapun satu dasar Islam yang tidak boleh dipandang ringan atau diabaikan ialah kewajipan anak-anak memberikan perlindungan dan keselesaan kepada ibubapa.

Perlindungan yang dimaksudkan itu termasuklah menjaga segala keperluan makan minum, pakaian dan kesihatan mereka, cinta dan kasih yang sejati, bersabar dan bertolak ansur. Malah setelah mereka meninggal dunia anak-anak mestilah berdoa kepada Allah untuk keampunan dan kesejahteraan mereka di akhirat. Seseorang anak itu tidak dikira berjaya sekiranya anak tidak dapat menjaga ahli-ahli keluarganya, samada keluarganya sendiri mahupun orang-orang tuanya.

Ajaran Islam menekankan tentang kepentingan individu dalam masyarakat serta peranan dan sumbangan yang dapat diberikan kepada kelompok masyarakat dan organisasi yang dipimpinnya. Penekanan ini menunjukkan bahawa individu sentiasa berada di tengah gelanggang, dengan dikelilingi oleh individu yang lain yang lahir dalam bentuk kelompok manusia, anggota-anggota masyarakat dan organisasi, rakyat, negara dan penghuni dunia seluruhnya. Dalam keadaan ini setiap individu itu adalah pemimpin, dan ia bertanggungjawab terhadap pimpinan dan orang-orang dibawahnya dan dirinya sendiri. Inilah maksud hadith Rasulullah S.A.W: "Kamu semua adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap orang-orang pemimpinnya".

Apabila dewasa kelak, anak-anak akan menjadi pemimpin.

Pada umumnya pembentukan individu yang progresif dan berkualiti melibatkan peranan institusi sosial seperti institusi keluarga dan institusi pendidikan formal dan tidak formal, termasuk rumahtangga, media massa dan sebagainya.

Pendidikan formal di institusi-institusi pelajaran tidak akan dapat memberikan kesan yang baik untuk melahirkan anggota masyarakat yang progresif dan berkualiti, sekiranya segala sistem yang ada di sekelilingnya tidak dapat berfungsi secara baik dan mengarah kepada matlamat yang ditujui dalam mencipta masyarakat maju yang bermoral dan beretika. Kepincangan yang dapat dilihat di dalam sistem sosial pada hari ini mengakibatkan kelahiran generasi muda yang tidak seimbang dan tidak mempunyai tatasusila dan daya tahan yang dapat menghadapi cabaran hidup dengan jitu dan jaya. Pertumbuhan pusat-pusat hiburan melulu di kota-kota, kelonggaran ikatan kekeluargaan, pendewaan terhadap budaya barat yang permisif dan kepincangan sosio-budaya lainnya telah menolong melahirkan generasi muda yang berfikiran pasif, tidak peka kepada budaya tinggi, tidak tahu menghargai masa dan kesihatan diri (akibat dari minuman keras dan merokok) tidak mahu bekerja, tidak maju dalam pelajaran dan seribu satu masalah lain yang membentuk sikap negatif individu anggota masyarakat kita.

Kebersihan yang dituntut dan diamalkan dalam masyarakat haruslah menjadi dasar kepada kebersihan jasmani dan rohani. Pengajaran tentang kebersihan rohani dan jasmani ini haruslah diambil dengan sebaik-baiknya dari ibadat sembahyang dan zakat yang berfungsi untuk membersihkan lahir dan batin manusia. Pemupukan daya tahan dalam jiwa generasi muda bukan hanya untuk menghadapi cabaran-cabaran fizikal semata-mata, tetapi haruslah dipergunakan untuk menghadapi cabaran-cabaran kebendaan yang berasaskan nafsu tamak haloba dan cabaran-cabaran nafsu yang berasaskan tuntutan badani manusia. Daya tahan dapat mendidik manusia menjadi seorang yang beramanah, bersabar, berusaha keras, mempunyai daya merancang, menjaga waktu, meningkatkan daya pengurusan diri dan organisasi yang dipimpinya. Semangat daya tahan yang ada dalam ibadat sembahyang, puasa dan haji hendaklah diambil sebagai asas membentuk nilai kesabaran, amanah, bersyukur, menyedari kepentingan orang lain, berdisiplin, bersopan, berorganisasi, menjaga waktu dengan tepat, bersih dan sebagainya.

Allah S.W.T. menegaskan bahawa orang-orang yang berilmu tidak sama kedudukannya dengan orang-orang yang tidak berilmu, dan mereka mempunyai kelebihan dari orang lain. Tanpa ilmu, tanpa daya berfikir dengan menggunakan fakta-fakta ilmu dan realiti, manusia lebih cenderung mengambil jalan mudah, berkonflik membabi buta, terlalu emosional dan fanatik. Proses pembetulan diri (muhasabah atau self-correction) berfikiran kritis dan positif, perubahan sikap, berhikmah dan sebagainya merupakan ciri-ciri utama pembentukan individu yang boleh dilaksanakan oleh setiap orang tanpa berlengah-lengah lagi.

Kehadiran anda di khemah kerja ini sahaja telah menunjukkan kesungguhan anda untuk memajukan diri dan berjaya dalam hidup. Kepada pihak penganjur saya ingin merakamkan terima kasih atas kesudian menjemput saya ke Majlis Pelancaran ini dan kesediaan mengadakan program ini.

Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahma-nirrahim, saya merasmikan Khemah Kerja Kemajuan Diri 1993 anjuran Jawatankuasa Kecil Pendidikan PUSPANITA Kebangsaan.